



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO AHMAD NADZRI BIN MOHD HASSAN  
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

## **SEMPENA**

**SESI KUNJUNGAN HORMAT TERHADAP TUAN YANG  
TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK OLEH  
KETUA-KETUA JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN DI  
SARAWAK**

**17 OKTOBER 2024 | KHAMIS | 11.00 PAGI  
DEWAN BESAR, ASTANA NEGERI SARAWAK**

## **SALUTASI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam Malaysia Madani dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Sarawak,  
Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar serta

Yang Amat Berbahagia,  
Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah binti Mohd Sanusi

Yang Berbahagia  
Professor Datu Mohd Fadzil Abd Rahman,  
Penolong Naib Canselor Kepimpinan dan Pembangunan,  
Universiti Malaysia Sarawak

Yang Berbahagia,  
Datu Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad,  
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Yang Berbahagia  
Dato' Azmir Saifuddin Mutalib,  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

Yang Berbahagia,  
Dato' Sri Syed Hamzah bin Syed Paie,  
Setiausaha Sulit Kanan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Tuan / Puan Ketua-ketua jabatan dan agensi Persekutuan di Sarawak serta semua yang hadir pada hari ini.

## **UCAPAN**

1. Pertama sekali, kola memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan keizinanNya sekali lagi kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam majlis hari ini. Di kesempatan ini juga, kola dengan penuh takzim ingin mengucapkan Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar sempena sambutan kelahiran yang ke-78. Semoga Tuan Yang Terutama Tun senantiasa dikurniakan kesihatan yang baik untuk memimpin negeri Sarawak ini.
  
2. Setinggi-tinggi tahniah juga kola ucapkan atas pemasyhuran Tuan Yang Terutama Tun sebagai Canselor ke-4 Universiti Malayisa Sarawak (UNIMAS) semalam. Semoga dengan pemahsyuran Tuan Yang Terutama Tun, UNIMAS akan mencapai kegemilangan yang lebih tinggi. Tidak lupa tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi atas pengurniaan darjah Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (D.P) yang membawa gelaran Datuk Patinggi pada 12 Oktober 2024 lalu. Kola juga dengan penuh kesyukuran ingin Menjunjung Kasih Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi yang telah berkenan dan sudi meluangkan masa untuk menerima kehadiran kami bagi sesi kunjungan kali ketiga.
  
3. Sehubungan dengan itu, hadir bersama-sama kola pada hari ini adalah 68 ketua-ketua jabatan dan agensi Persekutuan yang berkhidmat di Sarawak di bawah sektor pendidikan dan sosial. Kehadiran jabatan/agensi hari ini dianggarkan mewakili 55,000

penjawat awam Persekutuan di Sarawak yang lain di bawah sektor yang sama.

4. Sebagai makluman kepada rakan-rakan penjawat awam Persekutuan yang hadir, setelah menerima pandangan daripada Pejabat Tuan Yang Terutama Tun, maka sesi kunjungan hormat telah dibahagikan kepada 3 sesi. Sesi pertama bagi jabatan dan agensi di bawah sektor keselamatan telah diadakan pada 11 September 2024 dengan kehadiran 26 jabatan manakala sesi kedua bagi sektor pembangunan dan ekonomi telah diadakan pada 2 Oktober yang lepas dengan kehadiran 51 jabatan.
5. Selain untuk memperkenalkan barisan kepimpinan dari jabatan dan agensi Persekutuan yang berkhidmat di Sarawak, sesi kunjungan hormat ini bertujuan untuk memperkuatkan lagi hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Sarawak, di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun.

Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan Datuk Patinggi

6. Kola dan rakan-rakan penjawat awam Persekutuan hari ini sangat teruja dan sudah tentunya amat berbesar hati menerima nasihat dan pandangan daripada Tuan Yang Terutama Tun yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang. Nasihat dan pandangan Tuan Yang Terutama Tun akan kami bawa sebagai bekal dan panduan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, negeri dan negara.

6. Akhir kata, kola bagi pihak jabatan dan agensi Persekutuan di bawah sektor pendidikan dan sosial sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi. Semoga dirgahayu hendaknya dalam rahmat Allah dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, untuk terus memayungi Sarawak Bumi Kenyalang ini. Terima kasih juga atas kurniaan buku-buku hasil tulisan Tuan Yang Terutama Tun kepada kami semua.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.